



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : Jurutera Gred J9
(b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Professional
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
2. Bilangan Kekosongan Jawatan : 1 jawatan
3. Gaji Yang Ditawarkan : RM 3,755.00 (termasuk caruman KWSP dan Perkeso)
4. Syarat Lantikan : (a) Warganegara Malaysia;
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
(c) Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
(d) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
(e) berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia.
5. Taraf Jawatan : **Contract For Service (CFS)**
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Jurutera Gred J9 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas :
 1. Pembangunan Dasar & Dokumen Regulatori
 - Mengenal pasti, membangunkan, dan menyemak keperluan dasar dan dokumen regulatori peranti perubatan.
 - Melaksanakan kajian dan semakan semula dasar/dokumen untuk memastikan kawalan peranti perubatan berkesan dan relevan.
 - Mengembangkan dan mengemaskini prosedur kerja berkaitan pembangunan dasar dan dokumen regulatori.

2. Penyelarasan Jawatankuasa & Aktiviti Berkaitan

- Bertindak sebagai urusetia dan melaksanakan aktiviti jawatankuasa untuk pembangunan/seminar dasar dan dokumen regulatori.
- Menganjurkan mesyuarat, perbincangan, dan bengkel yang berkaitan dengan pembangunan dasar dan dokumen regulatori.

3. Hubungan Strategik & Libat Urus

- Menjalin hubungan dan sesi libat urus dengan kementerian, agensi kerajaan, swasta, NGO, industri peranti perubatan, dan fasiliti kesihatan.
- Memberi khidmat nasihat teknikal, program kesedaran, forum, dan konsultasi berkaitan kawalselia peranti perubatan.
- Menyediakan maklumbalas dan maklumat rasmi dari pelbagai pihak berkaitan pembangunan dasar dan dokumen regulatori.

8. Cara Memohon : Pemohon dikehendaki untuk melengkapkan borang permohonan dan memuat naik dokumen melalui pautan di bawah.

<https://forms.gle/5aoQvhKgv5yLXshF9>

Atau scan QR kod berikut;



- (i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- (ii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iii) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak

menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

9. Tarikh Tutup Permohonan : 29 April 2026 (Rabu) jam 3.00 petang

NURUL AINI BINTI SURIP

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh: 10 April 2026